

Draft Ucapan ADUN Pantai Jerejak YB Sim Tze Tzin dalam sidang DUN 4hb May, 2011.

- 1.0 Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat hari pekerja dan juga selamat hari kebebasan akhbar. Para wartawan memperjuangkan kebenaran dan melaporkan berita dengan jujur, dan saya menghormati professionalisme para wartawan. Penghormatan saya tidak termasuk editor TV3, Utusan Malaysia dan Awang Selamat.
- 2.0 Para pekerja adalah tunggak pemacu ekonomi di negeri Pulau Pinang. Setiap hari ratusan ribu pekerja collar biru dan collar putih begitu juga pegawai kerajaan, menjalankan tugas mereka secara jujur dan disiplin. Sumbangan mereka amat besar kerana merekalah yang memajukan ekonomi mereka.
- 3.0 Saya ucapkan syabas kepada kerajaan negeri Pulau Pinang kerana Berjaya menarik FDI sebanyak 12.2 billion tahun 2010. Ini adalah pencapaian yang cukup membanggakan. Ini adalah hasil usaha para pekerja di kawasan-kawasan perindustrian di FTZ, yang menyakinkan para pelabur bahawa melabur di Pulau Pinang akan memberi keuntungan kepada pekilang.
- 4.0 Saya ingin memanggil perhatian kerajaan terhadap kebajikan para pekerja. Beberapa masalah besar yang dihadapi oleh para pekerja. Pertama, adalah gaji pekerja yang amat rendah. Secara purata gaji permulaan seorang pekerja kilang lulusan SPM adalah hanyalah RM550. Gaji 10 tahun dahulu adalah RM500. Tetapi harga barang naik berkali-kali ganda.
- 5.0 Kedua, kemasukan pekerja-pekerja asing telah memberi saingan yang begitu hebat kepada pekerja tempatan. Mereka telah merampas tempat pekerja tempatan dan juga suppress kenaikan gaji yang sewajarnya. Saya memahami bahawa kita masih kekurangan pekerja dalam perindustrian. Dan sememangnya isu pekerja adalah di bawah kerajaan pusat. Tetapi saya mohon prihatin kerajaan negeri dan berbuat sesuatu kerana Perindustrian adalah tunggak ekonomi negeri Pulau Pinang.
- 6.0 Pakatan Rakyat memperjuangkan gaji minima untuk pekerja kilang. Ini telah termaktub dalam manifesto Pakatan Rakyat. Maka saya berharap kerajaan negeri mula memperjuangkan isu gaji minima di kalangan para industrialists dan pekerja. Kerajaan negeri harus memberi satu mesej yang jelas bahawa gaji pekerja sekarang terlalu rendah dan perlu dinaikan secara berperingkat sehingga ke garis gaji minima. Para industrialist mempunyai masa untuk membuat perubahan sehingga Pakatan Rakyat membentuk kerajaan di Putrajaya.
- 7.0 Mereka harus diberi tempoh masa untuk meningkatkan proses automation di dalam kilang-kilang mereka. Supaya mereka tidak lagi bergantung kepada tenaga pekerja berkemahiran rendah. Proses ini tidak boleh dilonjatkan secara serta merta. Pekilang juga tidak rasa desakan jika dasar perindustrian kita masih bergantung kepada low skill, low wage workers. Maka kerajaan negeri jika memberi hala-tuju dan tempoh masa untuk menaikkan gaji ke gaji minima, maka, para industrialist akan mula perancangan dari sekarang.

8.0 Ketiga, adalah kekurangan perbincangan dan dialog tripartite antara pekerja-perindustrian-kerajaan. Para pekerja mempunyai banyak rungutan, para industrialist juga ingin tingkatkan produktiviti pekerja. Tetapi mereka kurang mempunyai ruang dan platform untuk berbuat demikian. Maka banyak isu pekerja berlanjutan.

9.0 Apa yang boleh kita buat?

10.0 Saya ingin mencadangkan satu MMK Pekerja di bawah Exco Perindustrian iaitu Timbalan Ketua Menteri 1. MMK ini bertujuan memperjuangkan isu pekerja-pekerja kilang. Ia boleh juga mengadakan dialog berkala tripartite dengan pekilang dan union-union pekerja. MMK ini juga bertanggungjawab melakarkan perancangan dasar pekerja negeri, bagaimana menarik lebih ramai skilled workers untuk bekerja di Pulau Pinang dan mengatasi kekurangan pekerja.

11.0 MMK Pekerja juga boleh melakarkan program-program seperti bantuan guaman, program skill training dan sebagainya. Saya harap kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan saya.

Demokrasi

12.0 Selepas 3 tahun Pakatan Rakyat memegang kerajaan negeri, pelbagai initiative untuk mendemokrasikan negeri telah dijalankan. Saya beri contoh seperti meluluskan usul untuk menjalankan pilihanraya kerajaan tempatan, draf undang-undang Freedom of Information dan juga menyediakan sudut free speech corner. Syabas kepada kerajaan negeri.

13.0 Kerajaan tidak harus henti begitu sahaja, malah kita harus memimpin arus perubahan dan pendemokrasian. Kerajaan Pakatan harus menggunakan kekuatan 2/3 DUN untuk melaksanakan reform pendemokrasian secepat mungkin. Saya ingin cadangkan 3 reform initiative untuk memantapkan demokrasi negeri Pulau Pinang.

14.0 Yang pertama, campaign finance reform.

15.0 Parti-parti politik di Negara ini kebanyakan mendapatkan dana pilihanraya dari ahli parti atau penyokong-penyokong. Saya tidak tahu dengan UMNO/BN sebab mereka kaya dan mempunyai banyak saluran. Baru-baru ini MACC mengesyorkan bahawa mereka ingin memantau sumbangan wang politik kerana ia adalah satu unsur rasuah. Tetapi menteri

Barisan Nasional Hishamuddin Tun Hussein Oon cepat-cepat keluar kata tidak setuju, kononnya akan menakutkan penderma.

16.0 Ada satu buku....

17.0 Maka, kita tahu bahawa sumbangan politik adalah satu masalah yang besar dan mencabar system demokrasi Negara kita.

18.0 Kerajaan negeri harus menerajui campaign finance reform di negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang adalah epicenter tsunami politik tahun 2008. Rakyat Pulau Pinang ingin melihat political reform.

19.0 Saya ingin mencadangkan penubuhan satu Tabung Amanah Pilihanraya. Tabung ini berfungsi untuk menyumbangkan wang kepada calon-calon pilihanraya, baik PR atau BN. Calon-calon akan menggunakan wang kerajaan untuk bertanding. Dengan ini, mereka dilarang mendapatkan sumbangan kewangan yang mungkin berunsur rasuah. Maka calon-calon boleh bertanding secara adil dan kita boleh memastikan pilihanraya dijalankan secara bersih.

20.0 Saya ingin mencadangkan RM100,000 untuk setiap calon di setiap DUN. Maka, kerajaan hanya perlu memperuntukan RM8juta untuk kesemua 40 kerusi pilihanraya DUN. Ini adalah satu kos yang cukup rendah untuk menjalankan pilihanraya yang adil dan Bersih.

21.0 Sebenarnya, campaign finance yang dibiayai oleh kerajaan bukan sesuatu perkara yang baru. Negera German telah melaksanakan system ini selepas perang dunia kedua dan Berjaya mewujudkan Negara demokrasi yang mantap. Baru-baru ini, Negara Africa Naminbia juga melaksanakan Tabung Amanah Pilihanraya dan Negara tersebut mengalami pendemokrasian yang pesat.

22.0 Pulau Pinang haruslah menerajui pendemokrasian ini.

23.0 Kedua, Pemantapan Demokrasi Dewan Undangan Negeri.

- 24.0 Apa yang dimaksudkan pemantapan ini? Ada beberapa criteria yang disyorkan oleh Commonwealth Parliamentary Association CPA. Di antaranya Parliament atau DUN harus mempunyai independence of jurisdiction. Saya ingin syorkan bahawa kerajaan negeri memberi kuasa independent kepada DUN. Dimana DUN mempunyai kuasa tertentu. Contohnya kebebasan untuk mengurus kewangan DUN. Kewangan DUN diperuntukan oleh kerajaan negeri kemudian baget DUN ditentukan oleh select committee.
- 25.0 Kita harus belajar dari Dewan Undangan Negeri Selangor dan pimpinan Exco kerajaan Selangor dalam hal ini. Mereka telah kedepan dari segi pendemokrasian dan pemantapan DUN.
- 26.0 Ketiga, melanjutkan sidang DUN demi kerajaan yang lebih Accountable dan Transparent.
- 27.0 Saya memeriksa rekod dan dapati bahawa pada tahun 2005 sidang dewan 14 hari. Tahun 2006 dewan bersidang 12 hari. Tahun 2007, 12 hari. Tahun 2008, sidang dewan 14 hari. Tahun 2009, 12 hari.
- 28.0 Ini bukan satu rekod yang kurang memuaskan. Kerana kalau kita bandingkan dengan BN, tidak berbeza banyak. Saya nak ambil contoh Australia, DUN West Australia bersidang 22 minggu setiap tahun. Maksudnya lebih kurang 88 hari setahun.
- 29.0 Sidang DUN Pulau Pinang harus dipanjangkan untuk meningkatkan prestasi DUN dan memastikan kerajaan berfungsi secara accountable dan transparent.

#### Land Reclamation di Pantai Queensbay

- 30.0 Saya difahamkan kerajaan telah meluluskan penambakan tanah di pantai Queensbay. Ini adalah satu pampasan kerajaan negeri kepada Boustead Holding Bhd akibat larangan ketinggian di kawasan heritage UNESCO.
- 31.0 Boustead dibenarkan menambak 100 ekar tanah di pantai di hadapan Queensbay.
- 32.0 Setakat ini, saya masih belum dimaklumkan tentang projek ini maka saya tidak tahu secara teliti dengan projek ini. Saya meminta kerajaan negeri boleh memberi taklimat kepada Adun kawasan setiap kali projek besar dan penting seperti ini. Kami perlu jawab kepada pengundi-pengundi.
- 33.0 Saya ingin membangkitkan kekhuthiran dan reservation terhadap projek ini.

34.0 Pertama, projek tambakan boleh menghasilkan masalah alam sekitar. Kita harus mengambil iktibar dari projek tambakan E&O di Tanjung Tokong, di mana Gurney Drive mendapat mendapan dari situ. Mungkin mendapan akan berlaku di sekitar pantai Queensbay, Pulau Jerejak ataupun Batu Maung. Saya berharap EIA dijalankan secara teliti.

35.0 Kedua, Pulau Jerejak adalah crown jewel untuk negeri Pulau Pinang. Ia sepatutnya dibangunkan sebagai kawasan perlancongan seperti Sentosa Island di Singapura. Maka ia memerlukan tanah di sebelah kawasan Queensbay untuk melengkapkan pembangunan di Pulau Jerejak. Sebarang penambakan di kawasan sisiran pantai Queensbay harus dibuat secara berpandangan jauh.

36.0